

SOALAN LAZIM – CBP TAKAFUL MOTOR

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan menyeluruh untuk kenderaan anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian serta liabiliti kepada pihak ketiga untuk kematian atau kecederaan badan dan kerugian atau kerosakan harta benda.

2. Apakah CBP Takaful Motor?

CBP Takaful Motor ialah portal digital yang membantu pelanggan membuat perbandingan kadar dan pembelian Takaful Motor bagi pemilihan terbaik. Platform ini juga dilengkapi dengan perkhidmatan pembaharuan dan menyediakan penghantaran cukai jalan terus ke depan pintu pelanggan. Dengan menyediakan perkhidmatan ini, pelanggan kini boleh membuat pembelian takaful dengan mudah pada bila – bila masa dan di mana – mana sahaja.

3. Adakah platform ini selamat untuk digunakan?

Platform ini dijamin selamat untuk digunakan kerana platform ini dikendalikan oleh rakan strategik takaful yang berdaftar dan telah diaudit sepenuhnya oleh syarikat-syarikat takaful am yang terlibat.

4. Siapakah rakan strategik takaful yang terdapat di dalam platform ini?

- a. Etiqa Takaful General Berhad
- b. Takaful Ikhlas General Berhad
- c. Takaful Malaysia Am Berhad

5. Siapakah yang boleh pelanggan hubungi jika memerlukan bantuan?

Pelanggan boleh berhubung dengan penyedia platform digital kami, Senang, dari hari Isnin hingga Jumaat antara 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

WhatsApp: 011-11809931

E – mel: customercare@senang.io

SOALAN LAZIM – CARA PEMBELIAN

1. Bagaimana pelanggan boleh memperbaharui Takaful Motor?

Pelanggan boleh layari laman web CBP bagi mendapatkan sebut harga dan terus membuat pembayaran secara perbankan dalam talian atau kad kredit. Pelanggan akan menerima e – mel sebaik sahaja peryertaan telah diluluskan.

2. Adakah pembaharuan atas talian juga boleh dibuat untuk motorsikal?

Pembaharuan boleh dilakukan kepada kereta dan motorsikal (persendirian) di bawah perlindungan komprehensif dan pihak ketiga.

3. Bolehkah pelanggan memperbaharui cukai jalan jika mempunyai saman trafik yang tertunggak?

Pelanggan perlu menjelaskan pembayaran bagi semua kesalahan lalu lintas tertunggak yang direkodkan sebelum meneruskan pembaharuan. Sistem pengkalan data akan menyemak sebarang rekod saman yang tertunggak dan senarai hitam di perkhidmatan atas talian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

4. Berapakah caj pembaharuan cukai jalan dalam talian?

Caj cukai jalan dan caj penghantaran adalah sebanyak RM10.00 yang akan dimasukkan ke dalam sebutharga sebaik sahaja pelanggan memperbaharui sijil mereka.

5. Apakah kaedah pembayaran yang disediakan?

Pelanggan boleh membuat pilihan bayaran sama ada secara perbankan atas talian atau kad kredit.

6. Bagaimana untuk mengetahui status pembayaran?

Pelanggan akan menerima resit melalui e – mel atau *Whatsapp* sebaik sahaja pembayaran dibuat.

7. Bagaimanakah pelanggan akan menerima cukai jalan selepas melengkapkan pembayaran?

Cukai jalan fizikal akan dihantar ke alamat pelanggan atau pun pelanggan boleh memilih menggunakan cukai jalan digital.

8. Bolehkah pelanggan membatalkan pembaharuan dan mendapat bayaran balik?

Boleh. Walaubagaimanapun, pelanggan tidak digalakkan untuk membuat sedemikian kerana sijil takaful akan dikeluarkan sebaik sahaja pembayaran berjaya. Sebaik sahaja pelanggan menerima nota perlindungan melalui e – mel, pelanggan perlu berurusan dengan syarikat takaful dipilih untuk proses bayaran balik.

9. Apakah itu NCD (*No Claim Discount*)?

NCD adalah diskaun yang diberikan kepada pemandu yang tidak pernah membuat tuntutan pada tahun sebelumnya dalam tempoh perlindungan takaful kenderaan. Kadar NCD akan meningkat setiap tahun sehingga 55%. Kadar NCD akan kembali kepada 0% sekiranya ada tuntutan dibuat.

10. Bagaimanakah saya boleh menyemak kelayakan NCD saya?

Pelanggan boleh menyemak kelayakan NCD melalui pautan di bawah:

<https://www.mycarinfo.com.my/ncdcheck/online>

SOALAN LAZIM – TUNTUTAN

1. Bagaimana pelanggan boleh membuat tuntutan takaful?

Pelanggan boleh menghubungi syarikat takaful anda seperti berikut:

- a. No. Khidmat pelanggan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad: 1 800 888 788
- b. No. Khidmat pelanggan Etiqa General Takaful Berhad: 1 300 88 1007
- c. No. Khidmat pelanggan Takaful Ikhlas General Berhad: 1 800 88 1186

2. Apakah prosedur tuntutan kenderaan?

Empat langkah asas sekiranya pelanggan mengalami kemalangan dan ingin memfailkan tuntutan.

Langkah 1 – Segera membuat laporan polis selepas kemalangan di dalam masa 24 jam.

Langkah 2 – Maklumkan kepada syarikat takaful terbabit kemalangan dan dapatkan borang tuntutan untuk dilengkapi. Jika kenderaan boleh dipandu, hantarkan kenderaan ke bengkel panel yang berdekatan. Jika tidak boleh dipandu, sila hubungi nombor syarikat takaful untuk perkhidmatan trak penunda.

Langkah 3 – Pastikan anda mengemukan dokumen sokongan kepada syarikat takaful atau bengkel.

Langkah 4 – Kebenaran untuk pembaikan akan dikeluarkan kepada bengkel oleh syarikat takaful anda.